

# ECOFIRES COAL

NAMA PENYELIA:  
PN.NUR FADHILAH BINTI ZAHARIN

NAMA AHLI KUMPULAN:  
ADAM BIN RASI  
SITI NORAZLYANA ROMADHANI BINTI ABDUL RAZAK  
MUHAMMAD IERFAN NAJMY BIN MOHD IERUAN  
NURUL 'IZZATI BINTI RASOL  
NUR ASHIKIN BIN HASHIM

## Gambar produk dan deskripsi



Produk Ecofires Coal  
yang disertakan dengan  
kotak pembungkusan



Produk Ecofires Coal  
ketika dibakar



Penggunaan Produk  
Ecofires Coal semasa  
aktiviti barbeku

# ECOFIRES COAL

## ISU/ PENYATAAN MASALAH

Pada tahun 2021, secara purata 8,547.76 tan sisa pepejal dikutip setiap hari oleh Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)

Menurut Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), sisa pepejal seperti kertas merupakan antara sisa terbuang paling banyak di tapak pelupusan, iaitu kira-kira 17% yang boleh menyumbang sekitar RM 205 juta kepada pendapatan negara.

Paya bakau berperanan sebagai pelindung semula jadi kepada bencana alam seperti tsunami, ombak besar serta ribut. Usaha melestarikan dan melindungi pokok bakau mampu membantu menyelesaikan beberapa isu alam sekitar termasuk isu pemanasan bumi yang dialami ketika ini (Noor Fadzli Shah, 2023).

## FUNGSI PRODUK

Untuk mengurangkan pencemaran kepada alam sekitar kerana menggunakan bahan kitar semula seperti sisa kertas dan sisa kelapa.

Untuk memudahkan penggiat rekreasi dan masyarakat untuk melakukan aktiviti barbeku.

Dapat mengurangkan penggunaan pokok paya bakau kerana produk arang yang sedia ada di pasaran menggunakan pokok paya bakau.

Dapat mengurangkan pencemaran udara kerana asap yang dihasilkan sedikit berbanding arang di pasaran.

## PERBANDINGAN PRODUK

PRODUK X	ECOFIRES COAL
Diperbuat daripada paya bakau	Diperbuat daripada bahan kitar semula
Pembungkusan yang kurang menarik	Pembungkusan yang menarik berserta cara menggunakan
Mampu bertahan sekitar 1 jam	Mampu bertahan sekitar 4 hingga ke 5 jam

## POTENSI PASARAN

Produk Ecofires Coal akan dikomersialkan dengan lebih luas di Malaysia supaya dapat mengurangkan pencemaran alam sekitar.

Mampu bersaing dengan produk arang yang sedia ada kerana Ecofires Coal mampu bertahan sehingga sekitar lima jam dan mengeluarkan asap yang sedikit.

Diaplikasikan penggunaan produk Ecofires Coal yang lebih meluas di tempat-tempat rekreasi yang mempunyai aktiviti barbeku.